



Rakyat Malaysia ‘bayar dua kali’ kos sisa, beban tersembunyi cecah sehingga 80 peratus bajet PBT



Oleh: Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 28 April – Rakyat Malaysia sebenarnya menanggung kos pengurusan sisa pepejal sebanyak dua kali tanpa disedari, apabila sehingga 80 peratus perbelanjaan pihak berkuasa tempatan (PBT) digunakan untuk pengurusan sisa dan pembersihan awam.

Ketua Laboratori, Institut Ekosains Borneo (IEB), Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS), Dr. Keeren Sundara Rajoo, berkata beban itu bukan sahaja melalui cukai, tetapi turut melibatkan kos tidak langsung seperti pencemaran, risiko kesihatan dan kehilangan nilai bahan boleh kitar semula.

“Rakyat Malaysia membayar untuk sisa dua kali. Pertama melalui cukai dan perbelanjaan PBT, kedua melalui kesan pencemaran dan kesihatan yang ditanggung setiap hari,” katanya.

Tambah beliau, antara 40 hingga 80 peratus bajet PBT diperuntukkan bagi pengurusan sisa, menjadikannya antara komponen terbesar dalam perbelanjaan kerajaan tempatan.

“Ini bukan angka kecil serta dana ini sepatutnya boleh digunakan untuk pembangunan lain seperti jalan raya, sekolah dan kemudahan kesihatan,” katanya.



Walaupun kutipan sampah berjalan setiap hari, Dr. Keeren berkata kos sebenar terus meningkat akibat pengasingan sisa yang lemah, pencemaran bahan dan sistem pengurusan yang tidak cekap.

“Apabila sistem gagal berfungsi secara lestari, kos itu tidak hilang, sebaliknya dipindahkan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk,” katanya.

Selain itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut memberi amaran bahawa pelupusan sisa yang tidak sempurna boleh mencemarkan udara, air dan tanah, sekali gus meningkatkan risiko penyakit dalam kalangan komuniti, khususnya melalui amalan seperti pembakaran terbuka dan sistem kutipan yang tidak efisien.

Sementara itu, Pengerusi Ryoshin Co. Ltd., Osamu Kono, berkata cabaran utama di Asia Tenggara ialah kos sebenar sisa masih tersembunyi daripada pengetahuan masyarakat.

“Tanpa kesedaran terhadap kos sebenar, dorongan untuk mengurangkan sisa dan menambah baik sistem akan kekal lemah,” katanya.



Model di Jepun menunjukkan pendekatan lebih telus mampu mengubah tingkah laku. Di pusat beli-belah Tamagawa Takashimaya, sisa daripada lebih 300 penyewa ditimbang dan dicitrakan berdasarkan tahap pengasingan.

Penyelidik dari Tokyo University of Agriculture, Prof. Mami Irie, berkata persepsi masyarakat yang melihat sisa sebagai isu pelupusan semata-mata menjadi punca utama masalah berlarutan.

“Pengurusan sisa yang lemah bukan sahaja isu kewangan, tetapi juga kesihatan awam dan kualiti hidup,” katanya.



Kini, Dr. Keeren dan Prof. Mami sedang bekerjasama menerusi projek Towards Zero Food Waste in Bintulu serta pembangunan aplikasi KitarNow, yang memberi tumpuan kepada sistem pengurusan sisa yang lebih telus, boleh dijejaki dan berasaskan data.

Projek tersebut melibatkan kerjasama antara UPMS, Bintulu Development Authority dan Tokyo University of Agriculture, dengan matlamat memperkukuh akauntabiliti dalam kalangan institusi, perniagaan dan komuniti.

Other News

[UPM strengthens global presence...](#)
Read more »

[UPM lancar 'BioTech Connec...](#)
Read more »

[Surau wakaf pacu budaya ilmu da...](#)
Read more »

[Runway SFX Horror UPM tonjo...](#)
Read more »

[UPM perkukuh jaringan global...](#)
Read more »

[UPM-UGM teroka model bandar...](#)
Read more »

News Archive

Latest

- Year
- [2026](#)
- [2025](#)
- [2024](#)
- [2023](#)
- [2022](#)
- [2021](#)
- [2020](#)
- [2019](#)
- [2018](#)
- [2017](#)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

- [Article](#)
- [Video](#)
- [UPM in the News](#)
- [Document](#)

Contact Us

[Feedback](#)

Others

- [UPM Holdings](#)
- [UPM Plate Number](#)
- [Give to UPM](#)
- [Tender and Contracts](#)
- [Ministry of Higher Education](#)
- [UPM AI HUB](#)
- [Sustainability@UPM](#)

